

Pembantu rumah setuju cadangan cuti

KUALA LUMPUR: Pembantu rumah warga Indonesia bersetuju dengan cuti sehari seminggu yang dipersetujui ketika Rundingan Tahunan Ketujuh antara Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dengan Presiden Indonesia, Susilo Bambang Yudhoyono, kelmarin.

Pembantu rumah yang ditemui menyifatkan cadangan itu sebagai langkah bijak dan dapat memberikan masa kepada mereka berehat serta bertemu rakan senegara yang bekerja di negara ini.

Saripah Kadimsotoson, 25,

berkata beliau bersetuju dengan cadangan itu dan berterima kasih kepada pemimpin kedua-dua negara yang prihatin nasib pembantu rumah warga Indonesia.

Katanya, hari pelepasan sangat penting kerana ketika itu mereka dapat bertemu dan bersantai bersama rakan.

“Saya berpendapat masa hari minggu Sabtu atau Ahad adalah yang sesuai sebagai hari pelepasan kerana ketika itu majikan berada di rumah. Namun, majikan dan pembantu rumah boleh berbin-

cang untuk menentukan hari yang sesuai untuk mereka bercuti,” katanya di sini semalam.

Mutik Hariyono, 48, pula berkata, sepatutnya langkah memberikan pelepasan atau cuti sehari dilaksanakan sejak dulu kerana pekerjaan pembantu rumah memenatkan.

“Bekerja di rumah 12 jam sehari selama seminggu agak memenatkan. Kemungkinan selepas bercuti, pembantu rumah akan lebih rajin melakukan kerja,” katanya.